



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

6 JUN 2022 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

6 JUN 2022 (ISNIN)

Harga sayur dijangka stabil Julai

HULU TERENGGANU – Harga sayur-sayuran yang tidak menentu pada masa ini dijangka bakal stabil semula selewat-lewatnya pada awal bulan depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, berdasarkan maklum balas pekebun, kenaikan harga sayur pada masa ini disebabkan kekurangan bekalan ekoran perubahan cuaca sukar dijangka.

"Kita terima laporan berhubung (kenaikan) harga sayur. Puncanya kepada musim sekarang ini hujan, panas tidak menentu, masalah penyakit (tanaman) dan paling ketara masalah buruh asing.

"Mereka (pekebun sayur) mengadu kepada kementerian (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) dan kita cuba selesaikan yang berkaitan," katanya.

Terdahulu, beliau ditemui ketika memantau perjalanan program Jualan Kedai Prihatin di pekarangan Masjid Kampung Gaung, Kuala Berang di sini se-

malam.

Begitupun, Rosol menjelaskan berdasarkan pengalaman sebelum ini, harga sayur mudah berubah-ubah dan kenaikan itu tidak kekal lama sebaliknya, dijangka bakal stabil semula tidak lama lagi.

Sehubungan itu, beliau menjelaskan senario kenaikan harga sayur semasa tidak begitu membimbangkan, namun KPDNHEP tetap akan memantau bagi mengelak manipulasi harga.

"Pengalaman kita, (harga) sayur ini naik dalam sebulan atau dua bulan kemudian ia akan turun mendadak. Kita pantau dan tidak perlu bimbang sangat.

"Berdasarkan maklumat yang kita terima daripada pihak terbabit (pekebun sayur), kita jangka (harga sayur) akan stabil semula pada akhir bulan ini atau awal bulan Julai," katanya.

Kosmo! 11 Mei lepas melaporkan peniaga sayur di beberapa negeri mengeluh apabila sayur hijau dan sawi naik harga selepas sambutan Aidilfitri pada awal bulan lalu.



ROSOL (kiri) berbual dengan pembeli di Jualan Kedai Prihatin di Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.

KPDNHEP aktifkan semula program Jualan Kedai Prihatin

HULU TERENGGANU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengaktifkan semula program Jualan Kedai Prihatin yang terhenti kira-kira tiga bulan lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, program Jualan Kedai Prihatin tersebut yang turut menawarkan barang pada harga lebih murah daripada pasaran merupakan alternatif kepada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang di-

jadual berakhir bulan ini.

Beliau berkata, mekanisme program Jualan Kedai Prihatin ialah sebuah lori milik KPDNHEP akan menjelajah ke lokasi strategik bagi menemui pengguna.

"Bermula hari ini (semalam), kita akan buat lagi program (Jualan Kedai Prihatin) ini. Fokus kita kepada (daerah) Hulu Terengganu tetapi kita terbuka kepada kawasan-kawasan lain yang memerlukan."

"Jadi dengan adanya kemudahan ini, kita boleh mengembangkan (program Jualan Kedai

Prihatin) ke negeri-negeri lain bergantung kepada permintaan," katanya ketika ditemui ketika memantau perjalanan program Jualan Kedai Prihatin di pekarangan Masjid Kampung Gaung, Kuala Berang di sini semalam.

Rosol menjelaskan, penganguran program Jualan Kedai Prihatin memerlukan kerjasama pemimpin setempat khususnya wakil rakyat yang sanggup mengeluarkan sedikit peruntukan bagi memberi subsidi harga barang yang dijual kepada pengguna.

Dalam perkembangan

berkaitan, beliau memaklumkan, mekanisme penganguran PJKM yang sebelum dilaksanakan di 222 Parlimen seluruh negara akan bertukar selepas ini dengan hanya akan diadakan pada Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia.

"Tiada perancangan untuk meneruskan PJKM (di kawasan Parlimen) tetapi kita akan terlibat dalam program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia.

"Setakat ini, kita sudah buat di empat negeri (Johor, Perlis, Sabah dan Terengganu). Pejabat (KPDNHEP) di negeri-negeri lain

akan bekerjasama dengan program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia untuk memberi kemudahan kepada rakyat," katanya.

Tambah Rosol, KPDNHEP masih mempertimbangkan penganguran PJKM sekiranya mendapat permintaan daripada wakil rakyat di kawasan Parlimen terlibat.

"Kita masih membuka (penganguran PJKM) kepada wakil rakyat yang berminat dengan syarat mereka bersetuju memberi sedikit diskon (subsidi jualan barang) kepada rakyat," katanya.

Bekalan gandum cukup

Lonjakan harga akibat perang Russia-Ukraine, kos pengangkutan

Kuala Berang: Bekalan tepung gandum di negara ini adalah stabil dan mencukupi, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Bagaimanapun, Rosol berkata, bagi bekalan tepung gandum am bersubsidi, pengeluarannya terpaksa dikurangkan di pasaran disebabkan lonjakan harga di peringkat global.

Katanya, rakyat juga tidak perlu panik kerana bekalan makanan asas itu di pasaran setakat ini mencukupi, namun terdapat sedikit peningkatan harga iaitu antara 10 hingga 30 peratus.

"Dari segi bekalan tidak terjejas, cuma harga meningkat kerana pertama isu Ukraine dengan Rusia dan kedua, kos pengangkutan yang naik dengan mendadak.



Rosol (kiri) meninjau tepung gandum yang dijual pada Program Jualan Kedai Prihatin di Kampung Gaung, Hulu Terengganu, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Berkenaan gandum am bersubsidi, ia adalah gandum khusus untuk kegunaan B40, jadi pengurangan tidak menjelaskan peniaga yang buat roti canai, kuih dan sebagainya," katanya selepas meninjau program Jualan Kedai Prihatin, di sini semalam.

Dalam pada itu, Rosol berkata, kerajaan tetap memantau harga minyak sawit campuran di pasa-

ran walaupun produk itu tidak termasuk dalam senarai barang kawalan.

Katanya, pengguna boleh membuat laporan sekiranya terdapat peniaga yang menjual produk itu dengan harga yang terlalu tinggi.

"Yang kita kawal minyak masak sawit tulen satu hingga lima kilogram. Kalau ada peniaga jual

lebih daripada harga maksimum boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2021).

"Tetapi jika ada peniaga yang ambil untung melampau atas jualan minyak sawit campuran, boleh buat aduan dan kita akan ambil tindakan," katanya.

BERNAMA

HARI : ISNIN
TARIKH : 6/06/2022
M/SURAT : 12

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan bekalan tepung gandum dalam negara stabil dan mencukupi.

Timbalan Menterinya Datuk Rosol Wahid bagaimanapun berkata, bagi bekalan tepung gandum am bersubsidi, pengeluarannya terpaksa dikurangkan di pasaran, disebabkan lonjakan

Bekalan tepung stabil, mencukupi

harga di peringkat global.

Katanya, rakyat tidak perlu panik kerana bekalan makanan asas itu di pasaran setakat ini adalah mencukupi, namun terdapat sedikit peningkatan harga iaitu antara 10 hingga 30 peratus.

"Daripada segi bekalan tak

terjejas... cuma harga meningkat kerana pertama kali Ukraine dengan Rusia dan kedua kos pengangkutan yang naik dengan mendadak.

"Berkenaan gandum am bersubsidi, ia adalah gandum khusus untuk kegunaan B40, jadi pengurangan-

nya tidak menjelaskan peniaga yang buat roti canai, kuih dan sebagainya," katanya selepas meninjau program Jualan Kedai Prihatin di sini, semalam.

Dalam pada itu, Rosol berkata, kerajaan tetap memantau harga minyak sawit campuran di pasaran, wa-

laupun produk itu tidak termasuk dalam senarai barang kawalan.

Menurutnya pengguna boleh membuat laporan sekiranya terdapat peniaga yang menjual produk berkenaan dengan harga yang terlampau tinggi.

"Yang kita kawal ialah mi-

nyak masak sawit tulen satu hingga lima kilogram. Kalau ada peniaga jual lebih daripada harga maksimum boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2021).

"Tetapi jika ada peniaga yang ambil untung melampau atas jualan minyak sawit campuran, boleh buat aduan dan kita akan ambil tindakan," katanya.

Bekalan gandum dalam negara mencukupi

KUALA BERANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan bekalan tepung gandum dalam negara adalah stabil dan mencukupi.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid bagaimanapun berkata, bagi bekalan tepung gandum am bersubsidi, pengeluarannya terpaksa dikurangkan di pasaran, disebabkan lonjakan harga di peringkat global.

Katanya, rakyat tidak perlu panik kerana bekalan makanan asas itu di pasaran setakat ini adalah mencukupi, namun terdapat sedikit peningkatan harga iaitu antara 10 hingga 30 peratus.

"Dari segi bekalan tak terjejas... cuma harga meningkat kerana pertama isu Ukraine dengan Rusia dan kedua kos pengangkutan yang naik dengan mendadak.

"Berkenaan gandum am bersubsidi, ia adalah gandum khusus untuk kegunaan B40, jadi pengurangannya tidak menjaskan, peniaga yang buat roti canal, kuih dan



FOTO:BERNAMA

Rosol (kiri) meninjau tepung gandum yang dijual semasa Program Jualan Kedai Prihatin di Kampung Gaung, Hulu Terengganu pada Ahad.

sebagainya," katanya selepas meninjau program Jualan Kedai Prihatin di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Rosol berkata, kerajaan tetap memantau harga minyak sawit campuran di pasaran, walaupun produk itu tidak tertakluk di bawah kawalan harga maksimum.

Menurutnya, pengguna boleh membuat laporan sekiranya terdapat peniaga menjual produk berkenaan dengan harga yang terlalu tinggi.

"Yang kita kawal ialah minyak masak sawit tulen satu hingga lima kilogram. Kalau ada peniaga jual lebih daripada harga maksimum boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2021).

"Tetapi jika ada peniaga yang ambil untung melampaui atas jualan minyak sawit campuran, boleh buat aduan dan kita akan ambil tindakan," katanya. - Bernama

FOOD PRICE WATCH

'WHEAT FLOUR SUPPLY STABLE'

But production of subsidised wheat flour reduced due to global price hike, says deputy minister

KUALA BERANG

THE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said the supply of wheat flour is stable and sufficient.

Deputy minister Datuk Rosol Wahid, said, however, the production of subsidised wheat flour had to be reduced due to a spike in prices globally.

He said people should not panic as the supply of basic food was sufficient. However, he said, there was a 10 to 30 per cent increase in prices.

"In terms of supply, it is not affected... only an increase in prices due to the Ukraine-Russia conflict and the higher cost of transportation.

"As for subsidised wheat flour, which is a special wheat flour for the B40 group, the reduction in production does not affect



Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid (left) speaking to a trader during a review of the Kedai Prihatin Sales programme in Kampung Gaung in Hulu Terengganu yesterday.
BERNAMA PIC

traders who make roti canai and kuih."

He said this after reviewing the Kedai Prihatin Sales programme here yesterday.

Rosol said the government would continue to monitor the price of mixed palm cooking oil even though the product was not

included in the list of controlled items. He said consumers could lodge a report if they came across traders selling the product at an exorbitant price.

He said pure palm cooking oil, sold in 1kg to 5kg bottles, was under the ministry's control.

"If traders are found selling

them at more than the ceiling price, action will be taken under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"Also, people can make a complaint if they find traders making excessive profit from the sale of mixed palm cooking oil." Bernama

Enough wheat flour despite price increase, says ministry

KUALA BERANG: The supply of wheat flour in the country is stable and sufficient, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

However, he said production of subsidised wheat flour had to be reduced due to the price spike at the global level.

He added that there was no reason for panic because the supply of basic food in the market was sufficient, but he acknowledged there was an increase in prices of between 10% and 30%.

"In terms of supply, it is unaffected, there's only increase in prices due to the Ukraine-Russia conflict and the cost of transportation that rose sharply."

"As for subsidised wheat flour – a special wheat flour for B40 use – the reduction does not affect traders who make roti canai, kuih and so on," Bernama quoted him as saying after reviewing the Kedai Prihatin Sales programme here yesterday.

Rosol said the government would continue to monitor the price of mixed palm cooking oil in the market, even though the product was not subject to maximum price control.

He urged consumers to report traders who sell the product at an exorbitant price.

He said pure palm cooking oil, sold in one-to five-kilogramme bottles, is under the ministry's control.


"If there are traders found to be selling it above the ceiling price set, action can be taken under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011."

"Also, if there are traders who take excessive profits on the sale of mixed palm cooking oil, the public can make a complaint and we will take action," he added.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : ISNIN
TARIKH : 6/06/2022
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam RM8.89	• Telur Gred A RM12.45	• Gula Pasir RM2.75	• Cili Merah RM10.99
• Daging Lembu Tempatah RM36	• Ikan Kembung RM10	• Bawang Besar Holland RM2.50	• Kubis Tempatan RM3.99
• Daging Lembu Import RM28	• Minyak Masak RM6.50	• Bawang Putih RM5.00	• Tepung Gandung RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP